

MRT Corp nafi pinggirkan bumiputera

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) menafikan kenyataan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) bahawa ahli-ahlinya dipinggirkan daripada dianugerahkan beberapa tender berstatus bumiputera di dalam projek pembinaan MRT Jajaran Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, pihaknya mengambil berat peranan kontraktor bumiputera dalam pembinaan MRT SBK.

"Kami terkejut dengan kenyataan Presiden DPMM, Syed Ali Alatas kerana perkara ini terletak di bawah jajaan Jabatan Perdana Menteri dan telah dilaksanakan dengan lancar.

"Ini adalah mandat daripada Perdana Menteri sendiri dan pihak kami telah melaksanakannya dengan sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini hari ini.

Jelas beliau lagi, kenyataan bahawa ada kontraktor bumiputera yang telah dipinggirkan oleh MRT Corp adalah tidak betul sama sekali kerana terdapat pakej-pakej kerja yang telah dikhaskan untuk dibida oleh syarikat bumiputera sahaja.

"Terdapat juga syarikat bumiputera yang berjaya mendapat kontrak dalam kategori terbuka yang mana pembidaan turut disertai syarikat bukan milik bumiputera.

"Di samping itu, semua pakej-pakej kerja dibuka untuk bidaan kompetitif dan isu bahawa terdapat syarikat bumiputera yang dipinggirkan tidak harus timbul langsung," katanya lagi.

Dalam kenyataan itu lagi, MRT Corp menyatakan sehingga Julai 2012, sebanyak 17 pakej kerja bernilai RM7.6 bilion telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Ia termasuk 10 pakej kerja awalan (*advance works*), tiga pakej kerja laluan bertingkat (*elevated guideways*) dan satu pakej stesen.

Syarikat-syarikat bumiputera juga telah dianugerahkan dua pakej kerja depoh, satu pakej kerja tempat meletak kenderaan bertingkat dan separuh pakej kerja bawah tanah.

"Ini bererti sehingga kini, sebanyak 47 peratus daripada jumlah pakej kerja telah dianugerahkan kepada syarikat bumiputera. Ini melebihi tahap 43 peratus yang disasarkan oleh kami," katanya.

Tambahnya lagi, terdapat 17 pakej kerja lagi dengan jumlah nilai RM1.7 bilion yang dikhaskan untuk syarikat-syarikat bumiputera yang masih belum dianugerahkan. Ini akan meningkatkan nilai kontrak yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat bumiputera kepada RM9.3 bilion.

MRT Corp juga akan menganugerahkan lebih daripada 200 pakej kerja kepada kontraktor kelas D, E dan F mulai sekarang sehingga projek MRT siap pada Julai 2017.



MENURUT MRT Corp, sehingga kini, sebanyak 47 peratus daripada jumlah pakej kerja berkaitan pembinaan laluan MRT telah dianugerahkan kepada syarikat bumiputera.